



اُيُوبُ سَيِّدِي تَكُونُ لِي مَبَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**JABATAN BANGUNAN**

**FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PERAK**

**MEI 2012**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Latihan Amali ini yang disediakan

**Oleh**

**NUR HIDAYAH BINTI RAZALI**

**2010802768**

**bertajuk**

**PROSES PEMILIHAN KONTRAKTOR**

diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Bangunan.

Penyelia Laporan

En Mohd Reeza Bin Yusof

Koordinator Latihan Praktikal

En.Noor Azam Bin Yahaya

En.Zulkifkli Bin Ab.Halim

Koodinator Fspu

Dr. Sr Haji Hayroman Bin Ahmad

**JABATAN BANGUNAN**  
**FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**PERAK**

**MEI 2012**

**PERAKUAN PELAJAR**

Adalah dengan ini, hasil kerja penulisan Laporan Latihan Praktikal ini telah dihasilkan sepenuhnya oleh saya kecuali seperti yang dinyatakan melalui latihan praktikal yang telah saya lalui selama 5 bulan mulai 21 Mei 2012 hingga 06 Oktober 2012 di Majlis Perbandaran Temerloh. Ianya juga sebagai salah satu syarat lulus kursus DBN 307 dan diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Bangunan.

Nama : NUR HIDAYAH BINTI RAZALI

No. KP UiTM : 2010802768

Tarikh :06.OKTOBER 2012

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji kepada Allah S.W.T pencipta alam semesta. Selawat serta salam buat Nabi Muhammad S.A.W, keluarga Baginda ,serta para sahabat. Setinggi penghargaan dan kesyukuran kehadiran Illahi kerana dengan limpah dan hidayatnya dapat saya melaksanakan Laporan Latihan Amali dengan jayanya. Seterusnya saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terkira kepada Encik Mohd Reeza Bin Yusof selaku penyelia laporan, Encik Noor Azam Bin Yahaya dan Encik Zulkifli Bin Ab. Halim selaku koordinator latihan praktikal, Encik Haiqal Bin Ramli selaku pensyarah pelawat, Dr. Sr Haji Hayroman Bin Ahmad selaku koordinataor FSPU, tidak lupa juga kepada semua para pensyarah Jabatan Bangunan dan juga khas buat nama-nama seperti berikut iaitu ayahanda dan bonda, pekerja-pekerja di pejabat dan kawan sekuliah serta lain-lain lagi yang nama mereka tidak dapat ditulis di sini dengan atas segala tunjuk ajar, membantu, memberi kerjasama, teguran dan bimbingan dalam menyiapkan laporan latihan amali ini. Semoga segala bantuan dan pengorbanan yang diberikan akan mendapat keberkatan dari Allah S.W.T. Akhir sekali saya memohon ribuan ampun dan maaf sekiranya terdapat kesilapan semasa proses menyiapkan kajian ini.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Laporan ini secara ringkasnya menerangkan mengenai segala proses dan kaedah yang terlibat dalam proses pemilihan kontraktor. Ia dihasilkan berpandukan kepada pengalaman selama lima bulan ditempatkan di Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Temerloh. Laporan ini dimulakan dengan latarbelakang Majlis. Hasil pemerhatian mendapati proses pemilihan kontraktor bagi sesuatu projek adalah tidak semudah yang disangkakan. Ia melibatkan banyak proses pemilihan yang rumit. Dalam menentukan pemilihan kontraktor yang berjaya ia melibatkan banyak proses dari awalan iklan sehinggalah proses tersebut tamat. Oleh itu, hasil pemilihan kontraktor yang layak bagi projek yang berkaitan sememangnya merupakan proses yang rumit. Selain itu, proses-proses pemilihan kontraktor perlu dilakukan dengan teliti semasa memasukkan harga dalam senarai harga. Di dalam laporan ini, diterangkan secara ringkas proses bagaimana pemilihan kontraktor dilakukan dari tutup tender sehinggalah pemilihan kontraktor yang berjaya. Kemudian diterangkan juga mengenai sistem "cut off". Ini kerana dalam proses pemilihan kontraktor sistem "cut off" merupakan sistem yang memudahkan dalam mendapatkan harga yang berpatutan. Sebagai kesimpulannya, diharapkan agar laporan ini dapat menjelaskan dengan lebih terperinci kepada para pembaca mengenai kaedah proses pemilihan kontraktor.

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Penghargaan	I
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	vii
Senarai Gambar	x
Senarai Singkat Kata	ix
<b>BAB 1.0 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif kajian	3
1.3 Skop kajian	4
1.4 Kaedah kajian	5
<b>BAB 2.0 LATAR BELAKANG SYARIKAT</b>	
2.1 Pengenalan	7
2.2 Visi dan Misi	9
2.3 Carta organisasi syarikat	10
2.4 Senarai projek	
2.4.1 Projek yang sedang dijalankan	11
2.4.2 Projek telah disiapkan	13
<b>BAB 3.0 KAJIAN KES –PROSES PEMILIHAN KONTRAKTOR</b>	
3.1 Pengenalan	15
3.2 Latar Belakang Projek Pembinaan	16
3.2.1 Pelan Lokasi	17

3.3	Ringkasan Projek	18
3.4	Proses pemilihan kontraktor	
	3.4.1 proses pengiklanan tender	20
	3.4.2 proses menutup tender	22
	3.4.3 proses membuka tender	23
	3.4.4 proses penyenaraian tender	24
	3.4.5 proses penilaian tender	26
	3.4.6 proses “cut off”	30
	3.4.7 kertas minit mesyuarat	31
	3.4.8 pengikhtirafan kontraktor	32
<b>BAB 4.0</b>	<b>KESIMPULAN</b>	<b>36</b>
	<b>SENARAI RUJUKAN</b>	<b>37</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Projek yang sedang dijalankan	15
Jadual 2.2	Projek yang telah disiapkan	18

## SENARAI RAJAH

Rajah 2.2	Logo Majlis Perbandaran Temerloh	9
Rajah 2.3	Carta Majlis Perbandaran Temerloh	10



## SENARAI GAMBAR

Gambar 3.1	Dewan Tun Razak	16
Gambar 3.2	Gambar lokasi tapak projek	17
Gambar 3.3	Pelan Lokasi Tapak Projek	20
Gambar 3.4	Gambar Proses Tutup Tender	22
Gambar 3.5	Gambar Proses Penyenaraian	24
Gambar 3.6	Jadual tender mengikut susunan harga	26
Gambar 3.7	Analisa kesempurnaan tender	27
Gambar 3.8	Analisa kecukupan dokumen	28
Gambar 3.9	Analisa kecukupan modal	29
Gambar 3.10	Sistem "cut off"	30
Gambar 3.11	Kertas minit mesyuarat	31
Gambar 3.12	Pengikhtirafan kontraktor	32
Gambar 3.13	Surat niat	33
Gambar 3.14	Surat penerimaan	34
Gambar 3.15	Syarat-syarat persetujuan	34

## SENARAI SINGKAT KATA

MPT	Majlis Perbandaran Temerloh
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPT	Jawatan Pembuka Tender
AJ	Anggaran Jabatan
No	Nombor
JK	Jabatan Kejuruteraan
PKK	Pusat Khidmat Kontraktor
PW	Pelan Warta

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Di Malaysia, amalan yang biasa diamalkan ialah klien menawarkan sesuatu projek pada kelompok kontraktor di mana kontraktor tersebut masing-masing akan bersaing menyerahkan tender yang paling optimum dan keputusannya adalah terletak kepada klien untuk memilih kontraktor yang layak. Apabila tender daripada sesebuah kontraktor itu diterima oleh klien, maka wujud ikatan yang dinamakan kontrak antara kontraktor yang dipilih oleh klien.

Tender ialah suatu kenyataan yang dikeluarkan kepada seseorang untuk melakukan kerja di samping mendapatkan persetujuan daripada pihak yang berkenaan (Saidin, 1998). Menurut March (2003) pula, proses menender merupakan proses taktikal bagi pemilihan satu-satu pihak bagi membekalkan suatu perkhidmatan, produk atau item kerja. Tanpa menghiraukan mekanisme pemilihan, proses tawaran dan penerimaan perlu ada di dalam tender. Ia merupakan suatu proses bertaktik sebagai keputusan yang strategik terhadap suatu pihak serta skop kerja yang telahpun dikenalpasti.

Tender merupakan proses utama yang dilakukan oleh klien untuk mendapatkan kontraktor yang layak. Pemilihan kontraktor biasanya dibuat melalui pertandingan yang melibatkan perbandingan antara perkara tertentu seperti harga dan masa pembinaan. Ini adalah antara faktor utama pemilihan kontraktor selain reputasi serta pengalaman kontraktor tersebut.

Oleh itu, laporan ini bakal membincangkan proses-proses pemilihan kontraktor berdasarkan kepada tender yang dikeluarkan.

Setelah bermulanya latihan praktikal penulis pada 21 Mei 2012, penulis telah mengkaji semua aspek yang boleh di peroleh semasa menjalani latihan praktikal untuk laporan praktikal. Penulis telah mengkaji keadaan semasa di pejabat bagi memperoleh satu tajuk yang sesuai sepanjang penulis menjalani latihan praktikal selama 5 bulan disini.

Tidak lama setelah penulis memulakan latihan praktikal di sini, penulis begitu tertarik dengan proses-proses pemilihan kontraktor berdasarkan tender yang dikeluarkan. Penulis juga belajar proses dari awal iklan dikeluarkan sehinggalah pemilihan kontraktor dan mengambil seberapa banyak maklumat yang boleh penulis kumpulkan bagi menghasilkan laporan praktikal.

Setelah penulis melakukan perbincangan bersama penyelia, En. Haris Fathilah Bin Mohd Hajar yang juga memberi sokongan kepada penulis untuk memilih proses-proses pemilihan kontraktor bagi tajuk laporan praktikal. Tidak lupa pada pensyarah, selaku penyelia laporan praktikal En Mohd Reeza Bin Yusof di mana kedua-duanya menyokong penulis untuk memilih tajuk yang berkaitan dengan tender. Penulis telah membuat keputusan untuk memilih tajuk kajian ini iaitu proses pemilihan kontraktor supaya dapat lebih memahami mengenai proses-proses yang dijalankan sebelum kontraktor mendapat sesuatu projek. Hal ini penting bagi memastikan kerja-kerja yang dijalankan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

## 1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenalpasti proses yang dijalankan dalam pemilihan kontraktor.
- ii. Untuk mengenalpasti kaedah yang digunakan dalam menentukan harga mengikut *ranking "cut off"*.
- iii. Untuk mengenalpasti tentang kelayakan dalam proses menender.

### **1.3 Skop Kajian**

Skop kajian ini merangkumi proses-proses dalam pemilihan kontraktor bermula dari tutup tender sehingga pemilihan kontraktor. Di samping itu juga menerangkan tentang hubungkait sistem "*cut off*" yang merupakan satu sistem yang telah disediakan oleh JKR dalam menentukan pemilihan harga bagi sesuatu projek mengikut nilai yang telah ditetapkan .

Kajian yang dijalankan hanya untuk laporan latihan praktikal tertumpu kepada proses pemilihan kontraktor bagi Cadangan Menaiktaraf Dewan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Dewan Tun Razak Temerloh, Pahang Darul Makmur  
(Rujukan Tender-MPT: T-62/2-2012)

## 1.4 Kaedah Kajian

Pelbagai kaedah yang digunakan oleh penulis bagi menyiapkan laporan ini. Antara kaedah yang digunakan oleh penulis ialah:

### i. Rujukan

Laporan ini sebahagiannya dijalankan adalah berpandukan kepada rujukan buku ilmiah yang mana berkaitan dengan tender. Rujukan yang dibuat secara teoritikal dan apa yang terkandung di dalamnya bergantung kepada fakta. Dengan kaedah ini, ia dapat memudahkan proses pencarian maklumat yang berkaitan.

### ii. Media Cetak

Rujukan melalui media cetak juga tidak kurang pentingnya. Rujukan melalui ini adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut syarat-syarat, kenyataan tender, arahan kepada pretender serta sebagainya. Antara contoh kaedah ini ialah buku tender Melalui bahan-bahan ini juga dapat mempelajari proses pretender secara teoritikal.

### iii. Temuramah

Melalui kaedah ini iaitu interaksi antara individu atau kumpulan yang terlibat dalam kerja berkaitan dengan tender. Rujukan melalui ini juga bagi mengetahui maklumat sampingan yang berkaitan bagaimana proses-proses awalan yang dilakukan daripada pengiklanan tawaran tender sehinggalah penganugerahan kontraktor yang berjaya bagi mendapatkan tender.

iv. Pemerhatian

Proses ini bagi mengetahui proses kerja pada keadaan yang sebenar dimana proses-proses tersebut dijalankan. Ia adalah proses yang paling penting dalam menjalankan kajian kes serta analisis kerja.



## BAB 2

### LATAR BELAKANG SYARIKAT

#### 2.1 Pengenalan



Rajah 2.1 Logo Syarikat

Sumber : Laporan MPT

Majlis Perbandaran temerloh (MPT) mendapat status perbandaran pada 15 Januari 1997 melalui Pelan Warta PW 3233. Sebelum ini, ia dikenali sebagai Majlis Daerah Temerloh (MDT) bermula pada 1 Julai 1981. MDT pada waktu itu merupakan gabungan 4 buah Majlis Tempatan iaitu Majlis Bandaran Temerloh Dan Mentakab, Majlis Tempatan Kuala Krau, Majlis Tempatan Kerdau dan Majlis Tempatan Lanchang. Keluasan kawasan bagi kawasan kawalan adalah seluas 1,442 km persegi dan kawasan operasi seluas 156 km persegi.

Kawasan kawalan adalah kawasan yang tidak dikenakan sebarang cukai taksiran dan tidak diberi perkhidmatan perbandaran tetapi mengenakan kawalan terhadap cadangan aktiviti pembangunan. Kawasan operasi adalah kawasan yang dikenakan cukai taksiran dan diberi perkhidmatan perbandaran.

Majlis Perbandaran Temerloh di ketuai oleh seorang Yang Dipertua selaku Ketua Jabatan dan dibantu oleh seorang Setiausaha Majlis. Terdapat 8 Jabatan, 24 Bahagian dan 1 Unit yang membentuk keseluruhan kekuatan pasukan pengurusan MPT.

## **2.2 Visi Dan Misi Majlis Perbandaran Temerloh**


### **2.2.1 Visi**

Dalam menuju kecermelangan, sesebuah syarikat perlu mempunyai sebuah visi bagi menjamin pencapaian kemajuan dapat dicapai selaras dengan hasrat kejayaan sesebuah syarikat tersebut. Begitu juga dengan Majlis Perbandaran Temerloh atau singkatannya mesra dikenal (MPT) mempunyai sebuah visi yang jitu iaitu MPT unggul, Temerloh lestari menjelang 2020.

### **2.2.2 Misi**

Misi yang dipegang oleh MPT bagi memenuhi sesebuah kejayaan ialah mewujudkan sebuah perbandaran yang maju, sejahtera, dan menarik melalui sistem penyampaian, perkhidmatan berkualiti dan penyediaan kemudahan masyarakat yang sempurna.

## 2.3 CARTA ORGANISASI JABATAN KEJURUTERAAN MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH



## 2.4 Senarai Projek

### 2.4.1 Projek yang sedang dijalankan.

Jadual 2.1 Projek yang sedang dijalankan

	FAIL NO.	DESCRIPTION OF PROJECTS	CONTRACTOR	VALUE	STARTIN G DATE	ESTIMATE COMPL.
1.	MPT:T-61/1-2012	Menaiktaraf tapak jaja di Taman Temerloh Jaya, Temerloh	Suasana Hijau Bina	972,690.00	23.07.12	08.01.13
2.	MPT:T-62/2-2012	Cadangan menaiktaraf Dewan serta kerja-kerja berkaitan di Dewan Tun Razak Temerloh	Monarch Corporation	379,188.34	23.07.12	25.06.13
3.	MPT:S-14/2012	Membina gerai serta kerja-kerja berkaitan di Kg. Batu Sawar	Aad Maju Enterprise.	179,300.00	03.09.12	29.10.12

Sumber : Buku daftar sebutharga (2012/2013)

	FAIL NO.	DESCRIPTION OF PROJECTS	CONTRACTOR	VALUE	STARTING DATE	ESTIMATE COMPL.
4.	MPT:S-19/2012	Membaikpulih jalan dan longkang serta kerja-kerja berkaitan di Kg. Paya Luas	Sako Resources	439,210.00	03.09.12	15.10.12
5.	MPT:S-20/12	Membaikpulih jalan dan longkang serta kerja-kerja berkaitan di Kg. Paya Pulaui.	Dma Jaya Enterprise	435,000.00	09.09.12	08.10.12
6.	MPT:S-34/2012	Kemudahan untuk orang kurang upaya	Tongkat Alam Enterprise	48.036.00	03.09.12	29.10.12
7.	MPT:S-42/2012	Membaikpulih jalan serta kerja-kerja berkaitan di Taman Temerloh Makmur, Temerloh.	Hamdan Bin Mamat	207,000.00	06.10.12	12.12.12

	FAIL NO	DESCRIPTION OF PROJECTS	CONTRACTOR	VALUE	STARTING DATE	ESTIMATE COMPL.
8.	MPT:S-26/2012	Cadangan membina dan menyiapkan kabinet tail bertingkat serta kerja-kerja berkaitan di tingkat 5 Mpt	Aby Halim Enterprise	20,000.00	02.10.12	10.10.12
9.	MPT:S-28/2012	Membaikpulih jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Tj 4, Taman Temerloh Jaya	Zulhilmi Trading & Construction	170,510.00	25.09.12	23.10.12
10	MPT:S-29/2012	Membaikpulih jalan serta kerja-kerja berkaitan di Taman Bahagia, Temerloh	Najaz Enterprise	170,640.00	03.09.12	18.10.12

## 2.4.2 Senarai Projek Telah Disiapkan.

Jadual 2.2 Projek telah disiapkan.

	INDEN NO.	PROJECT NAMES	CONTRACTOR	START DATE	COMPL. DATE	VALUE (RM).
1.	MPT:S-1/2012	Membaikpulih jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Aman, Temerloh.	Sabarudin Bin Mat Ali	19.03.12	30.04.12	171,250.00
.2.	MPT:S-2/2012	Membaikpulih jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Dato Ngau Kan Lock Temerloh	Poertouch Construction	19.03.12	09.04.12	173,060.00
3.	MPT:S-3/2012	Membaikpulih jalan serta kerja-kerja berkaitan di kawasan Industri Temerloh	Perniagaan Muslim Dan Rakan-rakan	19.03.12	16.04.12	162,835.00
4.	MPT:S-4/2012	Membaikpulih jalan serta kerja-kerja berkaitan di Taman Tanjung Kerayong, Mentakab	Sri Safiah Enterprise	19.03.12	30.04.12	172,107.00

Sumber : Buku Daftar Sebutharga (2012/2013)

	FAIL NO.	PROJECT NAMES	CONTRACTOR	START DATE	COMPL. DATE	VALUE (RM).
5.	MPT:S-5/2012	Membaikpulih jalan serta kerja-kerja berkaitan di Taman Bukit Bendera Mentakab	Keteli Enterprise	19.03.12	23.04.12	172,500.00
6.	MPT:S-6/2012	Membaikpulih jalan dan longkang serta kerja-kerja berkaitan di kampung Pamah Kaseh Temerloh	PPK Temerloh	19.03.12	02.04.12	153, 100.00
7.	MPT:S-7/2012	Membina padang futsal di Kg Buntut Pulau Majlis Perbandaran Temerloh	Etika Maju Enterprise	08.05.12	27.06.12	189, 318.00

	FAIL NO.	PROJECT NAMES	CONTRACTOR	START DATE	COMPL. DATE	VALUE (RM).
9.	MPT:S- 10/2012	Menaiktaraf longkang dan jalan di jalan istana, Temerloh	Othman Bin Teh	08.05.12	05.06.12	173,150.00
10	MPT:S-11/2012	Menaiktaraf longkang dan jalan di Jalan Murai, Temerloh	Syarikat Perniagaan Ketumbit Baru	08.05.12	05.06.12	172,900.00
11	MPT:S-12/2012	Menaiktaraf Dewan di Taman Sri Kerinau, Temerloh	Istama Jati Enterprise	30.07.12	17.09.12	399,000.00
12	MPT:S-14/2012	Membina gerai serta kerja-kerja berkaitan di Batu Sawar	Aad Maju Enterprise	03.09.12	29.10.12	179,300.00
13	MPT:S-16/2012	Membina Dewan orang ramai serta kerja-kerja berkaitan di Kg. Batu Sawar	Sazateam Enterprise	03.09.12	18.02.12	484,687.00

	FAIL NO.	PROJECT NAMES	CONTRACTOR	START DATE	COMPL. DATE	VALUE (RM).
14	MPT:S-17/2012	Membaiakpulih jalan serta kerja-kerja berkaitan di Taman Mentakab	Damia Jaya	05.08.12	30.08.12	25,000.00
15	MPT:S- 13/2012	Membaiakpulih jalan serta kerja-kerja berkaitan di Taman Gopeng, Mentakab	Mohd Saifuddin	03.05.12	20.05.12	20,000.00
16	MPT: 17/2012	Membaiakpulih longkang serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Sinar, Temerloh	Perniagaan Sri Melor	17.08.12	23.08.12	16,750.00



## **BAB 3**

### **KAJIAN KES**

#### **3.1 PENGENALAN**

Tender merupakan satu kenyataan yang dikeluarkan kepada seseorang bagi mendapatkan persetujuan daripada pihak tertentu. Sesuatu tender merangkumi beberapa peringkat tatacara dan prosedur yang berkenaan. Ia melibatkan proses dokumentasi, proses pemilihan dan penilaian kontraktor dan proses untuk menentukan harga kontrak terbaik yang boleh dipersetujui serta masa penyiapan yang paling relevan untuk menyiapkan sesuatu projek pembinaan (Mohamed, 2002). Tender boleh diringkaskan sebagai satu sistem untuk memilih kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja kontrak pembinaan. Menurut Marsh (2003), prosedur spesifik yang diadaptasi bagi sesuatu proses tender akan bergantung kepada beberapa ciri.

Secara umumnya, tujuan utama proses menender adalah untuk memilih kontraktor yang benar-benar berkelayakan dan bagi mendapatkan satu tender yang boleh dipersetujui dan diterima oleh kedua-dua pihak.

### 3.2 Latar Belakang Projek Pembinaan


Dewan Tun Razak Temerloh merupakan tapak projek yang sedang menjalani proses menaiktaraf bagi pembesaran. Cadangan menaiktaraf Dewan Tun Razak ini adalah bagi kemudahan dan keselesaan pengguna. Hal ini juga memudahkan majlis-majlis keramaian dilangsungkan di dewan tersebut. Seterusnya lokasi bagi tapak projek ini adalah berhadapan dengan Majlis Perbandaran Temerloh. Bagi peruntukan kerja-kerja menaiktaraf Dewan Tun Razak telah ditanggung oleh Pejabat Pembangunan Negeri. Antara proses-proses yang terlibat dalam kerja-kerja menaiktaraf dewan tersebut adalah seperti kerja-kerja pengrobohan sebahagian bangunan yang akan digantikan dengan pembinaan bangunan yang baru, kerja-kerja cerucuk, pembaikan bangunan yang sedia ada, kemasukan sistem penghawa dingin dan elektrik. Kesemua kerja-kerja ini berjalan dalam tempoh yang telah ditetapkan.



**Gambar 3.1:** Dewan Tun Razak Temerloh

### 3.2.1 Pelan Lokasi

Lokasi tapak terletak berhadapan dengan MPT. Selain itu tapak juga terletak di tempat yang strategik kerana di tengah-tengah Temerloh. Selain itu, kawasan projek ini berhampiran dengan JKR, Mahkamah, Pejabat Pos dan juga Perpustakaan. Ini juga memudahkan bagi orang awam mencari lokasi Dewan Tun Razak.



**Gambar 3.2:** Gambar lokasi Tapak Projek  
Sumber: Monarch Corpration Sdb Bhd (2012)

### 3.3 Ringkasan Projek Dewan Tun Razak

Projek	:	Cadangan Menaiktaraf Dewan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Dewan Tun Razak Temerloh, Pahang Darul Makmur.
Jenis Projek	:	Menaiktaraf
Kontraktor	:	Monarch Corporation Sdn Bhd
Kos	:	RM 3, 797, 188.34
Tempoh	:	(12 Bulan)
Peratusan projek yang terkini	:	30%

Pasukan Projek yang terlibat dalam melaksana dan menyiapkan projek ini adalah seperti berikut:


Kontraktor Utama	:	Monarch Corporation Sdn Bhd
Arkitek	:	Majlis Perbandaran Temerloh
Perunding C&S	:	Szy Consultants Sdn Bhd.
Perunding M&E	:	Perunding Gagasan Prima Sdn. Bhd.
Jurukur Bahan	:	Jo Qs Concult.

Projek bagi Dewan Tun Razak merupakan projek dimana pihak kontraktor utama bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan, pengawasan, pengujian dan pentauliahan, penyiapan dan menyelenggara semasa tempoh penyelenggaraan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam kontrak. Pihak MPT berperanan dan bertanggungjawab sebagai pemaju dan pengawas projek kepada jabatan pelanggan sahaja dalam pengurusan pembinaan.

Dalam setiap peringkat aktiviti pembinaan projek Dewan Tun Razak yang dipertanggungjawabkan kepada kontraktor, pihak MPT khususnya Bahagian Projek dan Pasukan Pengurusan Pembinaan MPT perlu memberi penekanan kepada pemantauan pelaksanaan mengikut program kerja dan kawalan kualiti produk bagi memastikan projek yang disiapkan oleh kontraktor mencapai objektif yang ditetapkan

### 3.4 Proses Pemilihan Kontraktor

#### 3.4.1 Proses Pengiklanan Pemanggilan Tender



Gambar Foto 3.3 : Iklan Tender Tawaran

Sebelum proses penilaian dan pemilihan kontraktor dilakukan, iklan tawaran panggilan tender akan dikeluarkan bagi tujuan mendapatkan kontraktor yang layak untuk sesuatu projek yang dijalankan. Iklan tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa tertentu untuk kerja-kerja yang berkaitan.


Naskah tawaran akan dipamerkan dalam tempoh 3 minggu pada waktu pejabat di Jabatan Kejuruteraan (JK), Majlis Perbandaran Temerloh. Malahan MPT juga turut mengadakan satu lawatan tapak seperti yang telah dinyatakan dalam iklan tender tersebut.

Dokumen tawaran tender ini dijual kepada petender dengan harga seperti yang telah dinyatakan dalam iklan tender tersebut. Malahan petender yang ingin memasuki tawaran iklan ini juga dikehendaki mengeluarkan Wang Pos atau Kiriman Wang Pos atau Wang Tunai di atas nama Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Temerloh. Bayaran yang telah dibuat ini juga tidak akan dikembalikan semula kepada petender.

Dokumen Tawaran Tender akan hanya dijual kepada petender atau wakil petender yang sah sahaja dengan membawa surat Pendaftaran Asal Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Sijil Taraf Bumiputera dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeteri serta ditulis tajuk tender di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen tender tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender.

### 3.4.2 Proses Menutup Tender



**Gambar 3.4:** Proses Menutup Tender

Tender yang telah siap diisi dengan maklumat-maklumat yang dikehendaki perlu dimasukkan ke dalam sampul surat dan dihantar ke Kaunter Jawatan Kuasa (JK) pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Hal ini bagi melayakkan nama petender tersebut tersenarai dalam pemilihan kontraktor bagi kerja tender yang diiklankan. (JK) akan menerima tender-tender yang dikemukakan sebelum jam 12:00 tengah hari. Bagi setiap tender yang diterima, maklumat-maklumat berikut perlu direkodkan seperti nama tender, nama syarikat yang mengemukakan tawaran tender, masa dan tarikh tawaran tender diterima, serta nama dan tandatangan penyerahan dokumen tender yang dilakukan di kaunter Jawatan Kuasa (JK). Seterusnya penutupan penerimaan tender akan dilakukan tepat jam 12:00 tengah hari. Tawaran tender yang dihantar selepas dari masa tutup tidak boleh dipertimbangkan dalam apa jua keadaan.



### **3.4.3 Proses Membuka Tender**

Selepas tender ditutup, peti tawaran tender dibuka secepat mungkin tetapi tidak lewat daripada 3 hari oleh satu Jawatankuasa Pembuka Tender. Sekiranya peti tawaran tender tidak dapat dibuka dalam tempoh tersebut kebenaran Ketua Jabatan hendaklah diperolehi. Seterusnya dokumen-dokumen tawaran ditempatkan di Bilik Pembuka Tender dan membantu ahli-ahli JPT membuka tawaran tender. Salinan rekod penjualan dokumen tender juga perlu disediakan untuk semakan ahli-ahli JPT. Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) pegawai yang mana seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Jawatankuasa ini dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan dan Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah berlainan daripada Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender.



LAMPIRAN C

**KERTAS PERAKUAN TENDER KEPADA LEMBAGA PEROLEHAN  
MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH**

**JADUAL TENDER  
(Mengikut Susunan Harga Tender Asal)**

TENDER **CADANGAN MENAKHTARAF DEWAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI DEWAN TUN RAZAK TEMERLOH, PAHANG DARUL MAKMUR**

Tarikh Panggilan Tender **14.05.2012**

Tarikh Tutup Tender **04.06.2012**

Tarikh Pembukaan Tender **04.06.2012**

Anggaran Jabatan **RM 4,153,608.00**

BIL	KOD TENDER	NAMA PENYENGAH	HARGA TENDER (RM)	PERBEZAAN DENGAN ANGGARAN JABATAN	%
1	8/17	Longmail Sdn Bhd	3,452,549.08	(661,059.52)	-15.92%
2	4/17	Monarch Corporation Sdn Bhd	3,797,168.34	(356,420.25)	-8.56%
3	10/17	Aks Bina Corporation Sdn Bhd	4,488,800.00	335,191.40	8.07%
4	1/17	Sabin Engineering Sdn Bhd	4,500,103.60	346,495.00	8.34%
5	8/17	TPH Niaga Sdn Bhd	4,589,435.00	445,826.40	10.73%
6	14/17	Golden Smartland Sdn Bhd	4,735,340.60	581,732.00	14.01%
7	15/17	Cekal Teknikrat Sdn Bhd	4,774,850.90	621,242.30	14.96%
8	9/17	Cekap Baju Sdn Bhd	4,833,859.00	680,250.40	16.38%
9	11/17	SPS Cekal Bina Sdn Bhd	4,865,591.30	711,982.70	17.14%
10	7/17	Jala Utusan Construction Sdn Bhd	4,864,113.00	730,504.40	17.59%
11	12/17	Sureflow Engineering Sdn Bhd	4,908,088.88	754,480.28	18.16%
12	3/17	Cambah Makmur Sdn Bhd	5,303,323.00	1,240,314.40	29.86%
13	6/17	Mustafz Meju Sdn Bhd	-	(4,153,608.60)	-100.00%
14	2/17	Bukit Enggang construction Sdn Bhd	-	(4,153,608.60)	-100.00%

5

**Gambar 3.6:** Jadual Tender Mengikut Susunan Harga

Selepas proses penyenaiaan tender dilakukan, seterusnya ialah harga-tender tersebut akan dimasukkan kedalam susunan mengikut harga tender asal. Malahan Anggaran Jabatan (AJ) juga diletakkan bagi menentukan peratus perbezaan dengan harga tender. Harga tender tersebut akan disusun dari harga yang paling rendah ke harga yang tinggi. Hal ini juga dapat memudahkan untuk proses penilaian tender seterusnya.

### 3.4.5 Proses Penilaian Tender

Dalam proses pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan tender. Penilaian tender bekalan, perkhidmatan dan kerja berasaskan *Turnkey* atau reka dan bina hendaklah dibuat oleh 2 jawatankuasa yang berasingan iaitu Jawatankuasa Penilaian Harga dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal. Manakala penilaian tender kerja, selain daripada tender yang berasaskan konsep *Turnkey* atau reka dan bina bolehlah dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilaian sahaja.

Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga masing-masingnya perlu mengkaji semua dokumen tender yang diterima sebelum dimajukan kepada Lembaga Perolehan. Tawaran tender yang paling menguntungkan kerajaan akan diberi keutamaan.

Untuk projek yang bertempat di Dewan Tun Razak satu Jawatankuasa Penilaian (JP) akan membuat proses penilaian kontraktor. Antara analisa-analisa yang dijalankan dalam proses pemilihan kontraktor ini adalah:

i. Proses Kesempurnaan Tender

BORANG 1

**ANALISA KESEMPURNAAN TENDER**

TENDER UNTUK: CADANGAN MEMAKTARAF DEWAN SERTA KERJA KERJA BERKAITAN DI DEWAN TUN ABDUL RAZAK, TEMERLOH, PAHANG DARUL MAHAJIR

No. Pender	Pinda Kesempurnaan Tender					Keputusan
	Boyang Tender Ditandatangani*	Penandatangan Dalam Faisad?	Harga Tender Tercatat di Bojang Tender?	Pendaftaran Masih Sah?	Mengembalikan Kesemua Dokumen Asas Tender?	
017	✓	✓	✓	✓	✓	LULUS
107	✓	✓	✓	✓	✓	LULUS
017	✓	✓	✓	✓	✓	LULUS
1417	✓	✓	✓	✓	✓	LULUS
1517	✓	✓	✓	✓	✓	LULUS
017	✓	✓	✓	✓	✓	LULUS
1117	✓	✓	✓	✓	✓	LULUS
107	✓	✓	✓	✓	✓	LULUS
1217	✓	✓	✓	✓	✓	LULUS

Legend:  
 T.S - Tidak Sempurna      X - Tidak      ✓ - Sempurna

Gambar 3.7: Analisa kesempurnaan tender

Proses analisa kesempurnaan tender adalah penting bagi memastikan maklumat-maklumat yang terdapat pada tender mencukupi seperti yang telah disyaratkan. Maklumat-maklumat yang lengkap akan memudahkan bagi\* kerja-kerja pemilihan kontraktor dipilih. Antara aspek yang perlu dianalisa ialah seperti borang tender yang perlu ditandatangani, penandatangan diberi kuasa, memastikan sama ada harga tender tercatat di borang tender, menganalisa pendaftaran lesen kontraktor yang masih sah, dan memastikan kontraktor mengembalikan kesemua dokumen asas tender. Jika kesemua maklumat yang dianalisa mencukupi, seterusnya status layak atau lulus akan diberikan kepada kontraktor.

ii. Analisa Kecukupan Dokumen

BORANG 2

**ANALISA KECUKUPAN DOKUMEN (WAJIB)**

TENDER UNTUK: **CADANGAN MENAKHTARAF DEWAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI DEWAN TUN ABDUL RAZAK, TEMERLOH, PAHANG DARUL MAKMUR**

Ruj. Fintender	Kedans Kewajipan Dokumen				Keputusan
	Akaun Syarikat ATAU Penyata Bulanan ATAU Laporan Bank/Insidansi				
	Akaun Syarikat/ Lembaran Imbangan		Penyata Bulanan Akaun Bank	Laporan Penyelia Projek Bagi Kerja Semasa Bulan Kerja JKR (Borang CA)	
	Dikemukakan?	Diaudit?	Dikemukakan?	Dikemukakan?	
417	✓	✓	✓	X	"CUKUP"
117	X	X	✓	X	"CUKUP"
817	✓	✓	✓	X	"CUKUP"
1417	✓	✓	✓	X	"CUKUP"
1517	X	X	✓	X	"CUKUP"
917	✓	✓	✓	X	"CUKUP"
1317	X	X	✓	X	"CUKUP"
717	✓	✓	✓	X	"CUKUP"
1217	✓	✓	✓	X	"CUKUP"

Legenda: ✓ - Iya      X - Tidak      "CUKUP" = Cukup walaupun tidak kemuncak Borang CA

\* Lembaran imbangan seperti yang terdapat dalam Akaun Syarikat bagi tahun kewangan berakhir atau sebarang masa, bagi tahun kewangan sebelumnya

Gambar 3.8: Analisa kecukupan dokumen

Proses analisa yang kedua adalah bagi kerja-kerja memastikan kecukupan dokumen yang perlu ada di dalam tender. Antara kriteria kecukupan dokumen yang yang perlu di analisa ialah seperti akaun syarikat atau lembaran imbangan yang dikemukakan dan telah diaudit. Seterusnya ialah menganalisa penyata bulanan akaun bank pada 3 bulan yang pertama dan analisa laporan penyelia projek bagi kerja-kerja semasa dan bukannya kerja Jabatan Kerja Raya (JKR). Apabila dokumen yang dikehendaki mencukupi, seterusnya keputusan menentukan doukumen-dokumen tersebut lengkap ataupun tidak.

iii. Analisa Kecukupan Modal

**ANALISA KEKUCUKAPAN MODAL**

No. Tender	PERENCANAAN PEMBIAYAAN DAN KEKUCUKAPAN MODAL BAWAHAN DI DAERAH TUNJANG, BAZAS, TEMBELIH, PANGANG, BAKUL, BANJUL										Modal Minimum diperlukan (2% dari nilai Anjak Piutang)		KEM. 130.21
	Akumulasi Semasa (RM)	Liabiliti Semasa (RM)	Modal/Kelebihan (RM)	Perincian Semasa (RM)		Wang Dalam tangan (nilai tunai)	Peringkat Tinggi (Gedung, Dataran, Asfalt, dll)	Modal Lain-lain (Kereta, Peralatan, dll)	Modal Lain-lain (Kereta, Peralatan, dll)	Modal Lain-lain (Kereta, Peralatan, dll)	Modal Lain-lain (Kereta, Peralatan, dll)	Modal Lain-lain (Kereta, Peralatan, dll)	
457	770,000	300,000	470,000	210,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000
571	800,000	350,000	450,000	200,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000
877	900,000	400,000	500,000	250,000	125,000	125,000	125,000	125,000	125,000	125,000	125,000	125,000	125,000
1477	1,200,000	500,000	700,000	350,000	175,000	175,000	175,000	175,000	175,000	175,000	175,000	175,000	175,000
1577	1,300,000	550,000	750,000	375,000	187,500	187,500	187,500	187,500	187,500	187,500	187,500	187,500	187,500
2577	1,500,000	600,000	900,000	450,000	225,000	225,000	225,000	225,000	225,000	225,000	225,000	225,000	225,000
3777	1,700,000	700,000	1,000,000	500,000	250,000	250,000	250,000	250,000	250,000	250,000	250,000	250,000	250,000
4777	1,900,000	800,000	1,100,000	550,000	275,000	275,000	275,000	275,000	275,000	275,000	275,000	275,000	275,000
5777	2,100,000	900,000	1,200,000	600,000	300,000	300,000	300,000	300,000	300,000	300,000	300,000	300,000	300,000
6777	2,300,000	1,000,000	1,300,000	650,000	325,000	325,000	325,000	325,000	325,000	325,000	325,000	325,000	325,000
7777	2,500,000	1,100,000	1,400,000	700,000	350,000	350,000	350,000	350,000	350,000	350,000	350,000	350,000	350,000
8777	2,700,000	1,200,000	1,500,000	750,000	375,000	375,000	375,000	375,000	375,000	375,000	375,000	375,000	375,000
9777	2,900,000	1,300,000	1,600,000	800,000	400,000	400,000	400,000	400,000	400,000	400,000	400,000	400,000	400,000
10777	3,100,000	1,400,000	1,700,000	850,000	425,000	425,000	425,000	425,000	425,000	425,000	425,000	425,000	425,000
11777	3,300,000	1,500,000	1,800,000	900,000	450,000	450,000	450,000	450,000	450,000	450,000	450,000	450,000	450,000
12777	3,500,000	1,600,000	1,900,000	950,000	475,000	475,000	475,000	475,000	475,000	475,000	475,000	475,000	475,000

Gambar 3.9: Analisa kecukupan modal

Kecukupan modal adalah penting untuk kontraktor mendapatkan sesuatu kontrak. Analisa kecukupan modal ini akan dibuat dengan melihat akaun bank pada 3 bulan yang pertama. Kekurangan modal dalam akaun bank akan menyukarkan untuk kontraktor mendapat sesuatu kontrak dengan harga yang tertentu. Dalam proses menganalisa kecukupan modal, antara kriteria yang dilihat adalah seperti asset semasa kontraktor, liabiliti semasa, modal pusingan. Manakala wang di dalam tangan perlulah nilainya positif bagi memastikan dapat menjamin jika berlakunya sesuatu risiko yang tidak dijangka ke atas kontrak yang dijalankan. Manakala modal minimum iaitu 3% dari nilai kerja pembinaan juga diperlukan dan melalui kriteria ini akhir sekali dapat mengetahui tentang jumlah modal cair yang boleh digunakan oleh kontraktor.

### 3.4.6 Proses Penilaian Menggunakan Sistem "Cut Off"

The image shows a spreadsheet titled 'PERBANDINGAN CUT-OFF' with columns for 'No', 'Bid', 'Total Harga', 'Bid 1F', 'Bid 2F', 'Bid 3F', 'Bid 4F', 'Bid 5F', 'Bid 6F', 'Bid 7F', 'Bid 8F', 'Bid 9F', 'Bid 10F', 'Bid 11F', 'Bid 12F', 'Bid 13F', 'Bid 14F', 'Bid 15F', 'Bid 16F', 'Bid 17F', 'Bid 18F', 'Bid 19F', 'Bid 20F'. It includes a 'Bidang' column and a 'Bidang' column. A graph on the right shows a normal distribution curve with a peak at approximately 4,000,000,000. Below the graph, there are notes in Indonesian regarding the 'cut-off' price determination process, mentioning 'Peraturan Menteri Pekerjaan Umum No. 2/PRT/M/2012/PK/2012' and 'Peraturan Menteri Pekerjaan Umum No. 2/PRT/M/2012/PK/2012'.

Gambar 3.10: Sistem "cut Off"

Penentuan kemunasabahan harga tender dibuat berdasarkan perbandingan dengan satu paras harga "cut-off" yang ditetapkan mengikut kaedah statistik ke atas harga-harga tender yang diterima termasuk AJ. Harga "cut-off" adalah paras harga terendah yang dianggap munasabah. Pindaan formula penetapan harga "cut-off" selaras dengan keadaan pasaran yang sangat kompetitif. Kriteria mempertimbangkan sesuatu tender.

Harga tender yang lebih rendah daripada harga "cut-off" dianggap sebagai terlampau rendah dan tidak menjamin kejayaan pentender melaksanakan projek kecuali pentender berkenaan mempunyai pengalaman dan rekod kerja yang sangat baik atau terdapat faktor-faktor yang menyokong untuk harga tendernya dianggap munasabah dan menjamin kejayaannya melaksanakan projek.



### 3.4.7 Kertas Minit Mesyuarat




**Gambar 3.11:** Kertas Minit Mesyuarat.

Kertas minit mesyuarat dibuat bagi pemilihan kontraktor yang berjaya mendapat sesuatu kontrak. Sejurus mesyuarat diadakan, keputusan pemilihan kontraktor akan dikeluarkan berdasarkan oleh syarat-syarat yang telah dipersetujui oleh kedua pihak iaitu klien dan kontraktor.


Di dalam kertas minit mesyuarat, perkara yang dibincangkan adalah dari segi kelayakan seseorang kontraktor bagi mendapatkan sesuatu projek. Hal ini akan dibincangkan oleh pegawai-pegawai projek bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah bersesuaian dengan proses-proses penilaian yang telah dilakukan. Keputusan yang dibuat adalah merupakan kata sepakat yang telah dipersetujui.

### 3.4.8 Penganugerahan Kontraktor Yang Berjaya



**Gambar Foto 3.12:** Pengikhtirafan Kontraktor Yang Layak.

Penganugerahan kontraktor yang layak bermaksud tender yang diberikan kepada kontraktor yang berjaya. Tender yang dikemukakan oleh kontraktor seterusnya diberikan kepada majikan untuk membuat penerimaan tender. Pemaju akan menghantar surat penerimaan tender kepada kontraktor yang berjaya. Penerimaan tender hendaklah dibuat dalam dua peringkat iaitu melalui surat niat dan surat penerimaan.




**Gambar 3.13: Surat Niat**

Surat niat kepada kontraktor termasuk niat kandungan untuk menerima tender kontraktor yang tertakluk kepada syarat bahawa kontraktor perlu memenuhi keperluan kerajaan melalui rundingan atau cara lain. Surat ini tidak mengikat antara kerajaan dan kontraktor kepada satu perjanjian yang menyatakan bahawa kontrak wujud.



Gambar 14: Surat penerimaan

Surat penerimaan merupakan ketetapan di dalam maklumat tender atau mana-mana sudut ketetapan yang berkaitan dengan kontrak. Surat ini merupakan surat yang dikeluarkan kepada kontraktor yang telah berjaya di atas semua syarat yang telah diselesaikan dan proses rundingan selanjutnya adalah perlu dilakukan.



Gambar 15: Syarat-syarat persetujuan bagi kontraktor

Kontraktor perlu menandatangani dan menghantar segala maklumat mengenai insurans, "bond", dan perkara-perkara yang berkaitan di dalam surat penerimaan tender. Surat penerimaan tender yang diterima perlu dipulangkan kepada klien dalam tempoh 14 hari daripada tarikh kenyataan. Semasa dalam tempoh sahalaku tender, kontraktor tidak dibenarkan untuk menarik diri dari tender.

## BAB 4

### KESIMPULAN

#### 4.1 Kesimpulan

Secara kesimpulannya proses kelayakan bagi kontraktor mendapatkan sesuatu projek perlu dilakukan melalui proses-proses penilaian atau proses analisa maklumat-maklumat yang berkaitan untuk memastikan kontraktor yang dipilih merupakan kontraktor yang layak dan berkebolehan untuk menyiapkan sesuatu projek. Pemilihan ini adalah penting dalam industri pembinaan bagi menjamin projek yang dibina dapat disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Industri pembinaan memerlukan kontraktor yang produktif dalam menghasilkan mutu kerja yang berkualiti. Hal ini dapat mengelakkan daripada berlakunya masalah projek yang terbengkalai yang secara tidak langsung akan memberikan impak yang besar kepada keadaan sekeliling.

Justeru pemilihan tender melalui cara "*cut-off*" dapat mengenalpasti kontraktor yang benar-benar berkelayakkan berdasarkan maklumat-maklumat yang telah diberikan. Harga "*cut-off*" merupakan harga yang terendah yang dianggap munasabah dengan anggaran jabatan. Justeru melalui sistem ini, kemunasabahan harga tender dapat dinilai dan dianalisa dengan lebih tepat. Maklumat-maklumat yang diberikan memudahkan proses pemilihan tender dibuat. Ini juga dapat mengelakkan daripada berlakunya kes salah laku yang negatif seperti kes pecah amanah.

Kontraktor yang telah dipilih oleh klien perlu menjalankan tanggungjawabnya mereka untuk memastikan kontrak yang telah dipersetujui antara dua pihak dapat disiapkan dengan jayanya. Melalui kajian yang telah dijalankan, semasa kontrak sedang dijalankan menghadapi masalah, perbincangan antara klien dan kontraktor perlu dilakukan bagi mendapatkan jalan penyelesaian.

## SENARAI RUJUKAN

Syarat-syarat kelayakan tender. Retrieved 28 September 2012 from

<http://etender.mod.gov.my/pro-syarat.php>

Tendering process and procedures. Retrieved 23 September 2012 from

<http://tamanasciencepark.com/apps/cms/articlefiles/46-Tendering-Process-and-Procedures.pdf>

Public tendering-closed tender. Retrieved 19 August 2012 from

<http://www.mfem.gov.ck/docs/Treasury/Tender/D03B%20-%20Public%20Tendering%20-%20Closed%20Tender.pdf>










Proses-proses pembukaan tender. Retrieved 24 July 2012 from

<http://www.google.com.my/#hl=en&scient=psy-ab&q=langkah-langkah+menender>

Atur cara kontrak dan ukur binaan. Retrieved 17 July 2012

<http://www.scribd.com/doc/45894902/Unit-5-ATURCARA-TAWARAN>

Admin. (2010). Retrieved 12 Jun 2011 from Latarbelakang Majlis Perbandaran Temerloh



**EXISTING PHOTOS**  
Ground Floor Plan  
SCALE 1 : 150

**CONSTRUCTION DRAWING**

26 JUL 2012


**LEGEND :**

	EXISTING WORK TO BE DEMOLISHED
	NEW WORK / NEW RENOVATION
	NEW WORK
	UPGRADING WORK EXISTING AREA










NO. PIAL MPT :  
KEGUNAAN MPT :  
TAJUK PROJEK :  
CADANGAN MENAIKTARAF DEWAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI DEWAN TUN RAZAK, TEMERLOH, PAHANG DARUL MAKMUR  
UNTUK :  
MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH  
PEMILIK :  
MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH  
KOMPLEKS PEJABAT PLAZA TEMERLOH,  
JALAN AHMAD SHAH,  
28000 TEMERLOH,  
PAHANG DARUL MAKMUR.  
JURUTERA SIVIL & STRUKTUR :  
SZY CONSULTANTS SDN. BHD.  
A-49, TINGKAT BAWAH, JALAN IM 3/11,  
BANDAR INDERA MAHKOTA,  
25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR.  
JURUTERA MEKANIKAL & ELEKTRIKAL :  
PERUNDING GAGASAN PRIMA SDN. BHD.  
A-49, TINGKAT BAWAH, JALAN IM 3/11,  
BANDAR INDERA MAHKOTA,  
25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR.  
JURUKUR BAHAN :  
JO QS CONSULT  
A-193, JALAN IM 1A/1,  
BANDAR INDERA MAHKOTA,  
25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR.  
TANDATANGAN AKITEK :  
MOHD RIZA ARCHITECT  
A-51, TINGKAT BAWAH, JALAN IM 3/11,  
BANDAR INDERA MAHKOTA,  
25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR.  
TAJUK LUKISAN :  
EXISTING PHOTOS  
- GROUND FLOOR PLAN  
**CONSTRUCTION DRAWING**  
DRAWN BY: LINDA/AIDA  
CHECKED BY: AZMAN/ROSE/RAHIM  
DATE: 28 JULY 2012  
SCALE: AS SHOWN  
DRAWING NUMBER: MRA/LDC/DTAR-MPT/PHG-CD15  
CODE: CD  
COPY RIGHT RESERVED / HAK CIPTA TERPELHARA  
ALL DRAWING MUST BE READ IN CONJUNCTION WITH SPECIFICATION AND DETAILS. DRAWING FROM ALL CONSULTANTS.  
ONLY PERMITTED FOR CONSTRUCTION AND NOT TO BE REPRODUCED FROM DISSEMINATION MUST BE REPORTED IMMEDIATELY TO THE ARCHITECT OFFICE BEFORE PROCEEDING.  
LUKISAN INI ADALAH HAK CIPTA (COPY RIGHT)

HANYA DIMAKSUD BERKAWAT SAHAJA DI KEWAJIBAN  
SEWANGGAMBERAN PERBUATAN BERKAITAN DENGAN SESEKUTUANG SEBELUM RESMI DITERTAKAN  
KONTRAKTOR MELAKSANAKAN MENYEMPAH SUDAH MENSI PIAL 10PK BIRWA





**EXISTING PHOTOS**  
**FIRST Floor Plan**  
**SCALE 1 : 150**






LEGEND :

	EXISTING WORK TO BE DEMOLISHED
	NEW WORK / NEW RENOVATION
	NEW WORK
	UPGRADING WORK EXISTING AREA

**CONSTRUCTION DRAWING**  
 26 JUL 2012

NO. FAIL MPT :	
KEGUNAAN MPT :	
TAJUK PROJEK : <b>CADANGAN MENAIKTARAF DEWAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI DEWAN TUN RAZAK, TEMERLOH, PAHANG DARUL MAKMUR</b>	
UNTUK : <b>MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH</b>	
PEMILIK : <b>MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH      KOMPLEKS PEJABAT PLAZA TEMERLOH,      JALAN AHMAD SHAH      28000 TEMERLOH,      PAHANG DARUL MAKMUR.</b>	
JURUTERA SIVIL & STRUKTUR : <b>SZY CONSULTANTS SDN. BHD.      A-37, TINGKAT 1, JALAN IM 3/ 11,      BANDAR INDERA MAHKOTA,      25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR</b>	
JURUTERA MEKANIKAL & ELEKTRIKAL : <b>pgp PERUNDING GAGASAN      PRIA A SDN. BHD.      A-49, TINGKAT BAWAH, JALAN IM 3/ 11,      BANDAR INDERA MAHKOTA,      25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR</b>	
JURUKUR BAHAN : <b>JO QS CONSULT      A-193, JALAN IM 16/ 1,      BANDAR INDERA MAHKOTA,      25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR</b>	
TANDATANGAN AKITEK :	
SAYA MENYERAHKAN BAHAWA PERIBADI/ PERIBADI DI DALAM PELAN INI MENJADI EVIDENSI UTAMA/ UTAMA/ UTAMA REKOD BANGUNAN BERKAITAN DENGAN SAYA SEJAJAR MENYERAHKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN SEWAKWAMNYA AKITEK : <b>MOHD RIZA ARCHITECT      A-51, TINGKAT BAWAH, JALAN IM 3/ 11,      BANDAR INDERA MAHKOTA,      25200 KUANTAN,      PAHANG DARUL MAKMUR.</b>	
TAJUK LUKISAN : <b>EXISTING PHOTOS</b>	
<b>FIRST FLOOR PLAN</b>	
<b>CONSTRUCTION DRAWING</b>	
DRAWN BY : <b>LINDA AIDA</b>	CODE : <b>CD</b>
CHECKED BY : <b>AZMAN ROSE RAHIM</b>	
DATE : <b>26 JULY 2012</b>	
SCALE : <b>AS SHOWN</b>	
DRAWING NUMBER : <b>MRA/LDC/DTAR-MPT/PHG-CD16</b>	

RENCANA DAN MELAKUKAN KERJA-KERJA ARKITEK, TEKNIK, DAN SEKERA SEBELUM DIBANGUN  
 SEBAGAI PESELESAHAN PERENCANAAN, DAPORAN, KERJA ARKITEK, TEKNIK, DAN SEKERA SEBELUM DIBANGUN  
 CONTRACTOR MUST BE REGISTERED WITH THE ARCHITECTS ACT 1967 AND THE ENGINEERS ACT 1949.



**EXISTING PHOTOS**  
**Second Floor Plan**  
 SCALE 1 : 150

**CONSTRUCTION DRAWING**

26 JUL 2012

**LEGEND :**

	EXISTING WORK TO BE DEMOLISHED
	NEW WORK / NEW RENOVATION
	NEW WORK
	UPGRADING WORK EXISTING AREA

NO. FAIL MPT :

KEGUNAAN MPT :

TAJUK PROJEK :  
 CADANGAN MENAIKtaraf DEWAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI DEWAN TUN RAZAK, TEMERLOH, PAHANG DARUL MAKMUR

JUJUTUK :  
 MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH

PEMILIK :

MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH  
 KOMPLEKS PEJABAT PLAZA TEMERLOH,  
 JALAN AHMAD SHAH  
 28000 TEMERLOH,  
 PAHANG DARUL MAKMUR.

JURUTERA SIVIL & STRUKTUR :  
**SZY CONSULTANTS SDN. BHD.**  
 A-39, TINGKAT 1, JALAN IM 3/ 11,  
 BANDAR INDERA MAHKOTA,  
 25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR

JURUTERA MEKANIKA & ELEKTRIKAL :  
**pgp PERUNDING GAGASAN PRIMA SDN. BHD.**  
 A-49, TINGKAT BAWAH, JALAN IM 3/ 11,  
 BANDAR INDERA MAHKOTA,  
 25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR

JURUKUR BAHAN :  
**JO QS CONSULT**  
 A-193, JALAN IM 14/ 1,  
 BANDAR INDERA MAHKOTA,  
 25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR

TANDANGAN ARKITEK :

ARKITEK :  
**MOHD RIZA ARCHITECT**  
 A-51, TINGKAT BAWAH, JALAN IM 3/ 11,  
 BANDAR INDERA MAHKOTA,  
 25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR.

TAJUK LUKISAN :  
**EXISTING PHOTOS**  
**- SECOND FLOOR PLAN**




**CONSTRUCTION DRAWING**

DRAWN BY :	LINDA/AIDA
CHECKED BY :	AZMAN/ROSERAHIM
DATE :	26 JULY 2012
SCALE :	AS SHOWN
DRAWING NUMBER :	MRA/LDC/DAR-MPT/PHG-CD17
CODE :	CD

COPY RIGHT RESERVED / HAK CIPTA TERPELHARA  
 ALL DRAWING MUST BE READ IN CONJUNCTION WITH SPECIFICATION AND RELATED DRAWING FROM ALL CONSULTANTS.  
 ONLY FOLDED DIMENSION ARE TO BE WORK FROM. DISCREPANCIES MUST BE REPORTED IMMEDIATELY TO THE ARCHITECT OFFICE BEFORE PROCEEDING.

LUKISAN IN ADALAH HAK CIPTA (COPY RIGHT)

HAK CIPTA TERPELHARA / ALL RIGHTS RESERVED  
 MOHD RIZA ARCHITECT  
 A-51, TINGKAT BAWAH, JALAN IM 3/ 11, BANDAR INDERA MAHKOTA, 25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR.



**EXISTING PHOTOS**

Roof Plan

SCALE 1 : 150

**LEGEND :**

--- EXISTING WORK TO BE DEMOLISHED

■ NEW WORK / NEW RENOVATION

**CONSTRUCTION DRAWING**

NO. FAIL MPT :

KEGUNAAN MPT :

TAJUK PROJEK :

CADANGAN MENAIKARAF DEWAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI DEWAN TUN RAZAK, TEMERLOH, PAHANG DARUL MAKMUR

UNTUK :

MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH

PEMILIK :



MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH  
KOMPLEKS PEJABAT PLAZA TEMERLOH,  
JALAN AHMAD SHAH  
28000 TEMERLOH,  
PAHANG DARUL MAKMUR.

JURUTERA SIVIL & STRUKTUR :

**SZY**  
CONSULTANTS SDN. BHD.  
A-39, TINGKAT 1, JALAN IM 3/ 11,  
BANDAR INDERA MAHKOTA,  
25200 KUANTAN, PAHANG DARUL  
MAKMUR

JURUTERA MEKANIKA & ELEKTRIKAL :

**pgp** PERUNDING GAGASAN  
PRIMA SDN. BHD.  
A-49, TINGKAT BAWAH, JALAN IM 3/  
11,  
BANDAR INDERA MAHKOTA,  
25200 KUANTAN, PAHANG DARUL  
MAKMUR

JURUKUR BAHAN :

**JO QS Consult** JO QS CONSULT  
A-193, JALAN IM 16/ 1,  
BANDAR INDERA MAHKOTA,  
25200 KUANTAN, PAHANG DARUL  
MAKMUR

TANDATANGAN AKITEK :

SAYA MEMPERAKU BAHAWA PERINCIPERINCIP DI DALAM PELAN REHABILITASI/RENOVASI/REKONSTRUKSI/REKONSTRUKSI BERKAITAN DENGAN BANGUNAN BERSEKUTUAN SERTA SERTA/ MENYERAP TANGGUNGJAWAB DENGAN SEWAKELUARNYA

ARKITEK :



**MOHD RIZA ARCHITECT**  
A-51, TINGKAT BAWAH, JALAN IM 3/ 11,  
BANDAR INDERA MAHKOTA,  
25200 KUANTAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR.

TAJUK LUKISAN :

EXISTING PHOTOS

- ROOF PLAN

**CONSTRUCTION DRAWING**

DRAWN BY: LINDA/AIDA

CHECKED BY: AZMAN/ROSE/RAHIM